



OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: UMS Investment Holdings Sdn. Bhd (UiNVEST) mengambil langkah proaktif untuk membantu merealisasikan aspirasi kerajaan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada masa akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Ramlan Ag. Ali berkata antara usaha itu ialah melalui penawaran Program Pengurusan Pejabat Tahap 2 dan 3 yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Beliau berkata program jangka pendek itu di bawah kendalian Kolej Kemahiran UMS (KKUMS), sebuah institusi pendidikan di bawah tadbir UiNVEST.

"Program ini memenuhi permintaan industri yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran dan berpengetahuan dalam tugasan-tugas berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan sempena penutupan Program Orientasi Pelajar Baharu Program Pengurusan Pejabat (Tahap 2 dan 3), tajaan UPEN, di Outdoor Development Centre (ODEC) UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan pengurus kumpulan kanan, perkhidmatan korporat, Undang-undang dan Tadbir Urus UiNVEST Yusak Yumboris.

Ramlan berkata, usaha murni yang julung kalinya dilaksanakan itu bertujuan

JADUAL SOLAT					
TEMPAT	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kota Kinabalu / P. Barat	5.08	12.26	3.47	6.19	7.33
Kudat	5.05	12.23	3.45	6.16	7.30
Pedalaman Atas	5.07	12.25	3.46	6.18	7.32
Pedalaman Bawah	5.10	12.28	3.49	6.21	7.35
Sandakan (Timur)	5.01	12.19	3.40	6.12	7.26
Sandakan (Barat)	5.05	12.23	3.43	6.16	7.30
Bahagian Tawau	5.02	12.20	3.40	6.14	7.27

BERGAMBAR ... Yusak (duduk tengah), pegawai-pegawai dan para pelatih KKUMS bergambar bersama.

UiNVEST ambil langkah proaktif bantu kerajaan capai aspirasi

meningkatkan kesedaran, sokongan dan kerjasama semua pihak dalam merealisasikan transformasi pendidikan khususnya dalam bidang vokasional dan kemahiran.

"Ini selaras dengan usaha kerajaan melahirkan lebih ranai tenaga kerja profesional," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN) kerana memberi kepercayaan kepada KKUMS menawarkan program itu dan memberikan

tajaan kepada para pelatih daripada keluarga kurang berkemampuan melanjutkan pendidikan dalam aliran vokasional atau kemahiran.

"Kami yakin bahawa tajaan daripada kerajaan negeri ini akan membantu para pelatih meningkatkan taraf hidup keluarga dan seterusnya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi setempat dan negeri ini," katanya.

Program ambilan kedua itu disertai 50 orang pelajar.